

Bab 3

Kitab Jawi dalam Tradisi Pengajian Tasawuf di Alam Melayu

*(Dan) sanya
telah meminta akan daku setengah saudaraku yang salik
bahawa menterjemahkan aku akan dia dengan bahasa Jawi
supaya memberi manfaat dengan dia segala orang yang muhtedi
- Tok Pulau Manis, Syarah Fikam*

BAB 3

KITAB JAWI DALAM TRADISI PENGAJIAN TASAWUF DI ALAM MELAYU

3.0 Pendahuluan

Bab ini akan membiuncangkan sejarah pertumbuhan dan perkembangan kitab-kitab jawi di alam Melayu. Ia bagi mencapai tujuan pertama kajian iaitu melihat aspek sejarah tasawuf dan kitab-kitab yang wujud pada zaman tradisional.

3.1 Takrif Kitab Jawi

Salah satu genre kesusasteraan Melayu ialah kesusasteraan kitab. Sastera kitab berkembang seiring dengan perkembangan Islam di rantau ini. Dengan pengenalan tulisan jawi oleh para pendakwah Islam bagi menggantikan tulisan *Kawi* dan *Nagari* yang diimport dari India, maka terbinalah asas pengaruh sastera kitab di Alam Melayu.

Tulisan jawi diperkenalkan oleh para pendakwah Islam bagi memudahkan lagi penyebaran dakwah melalui tulisan. Pengenalan tulisan ini diterima dengan mudah oleh penduduk di rantau ini. Sementelahan lagi tiada satu bentuk tulisan yang seragam wujud sebelum itu. Kalau pun terdapat tulisan Nagari dan Kawi, ia hanya bertumpu di candi dan kuil-kuil Hindu dan Buddha dan tidak meresap ke dalam kehidupan rakyat jelata. Namun pengenalan agama Islam telah merubah situasi ini. Bukan sahaja aspek berkaitan ibadat dan kepercayaan, bahkan seni sastera tulisan.

Tulisan jawi berkembang ke seluruh ceruk rantau Alam Melayu, sama seiring dengan perkembangan agama Islam itu sendiri.

Pada peringkat permulaan, bentuk penulisan ini dalam bentuk helaian yang dinamakan *kitab* atau *risalah*, yang memaparkan asas-asas Islam seperti *syahadat*, *solat*, *zakat* dan *haji*.¹ Kemudian tulisan jawi terus berkembang seiring dengan kepesatan Islam dalam bidang fikah, usuluddin, dan tasawuf. Kitab-kitab agama terus mendapat perhatian seluruh masyarakat Islam dan menyerlahkan hasil tulisan para intelek Muslim dalam pelbagai bidang. Seiring dengan itu, karya-karya agama berkembang pesat hingga mampu membekalkan khazanah terpenting umat Islam di rantau ini. Bahkan menurut Matheson & Hooker (1987), sastera kitab adalah penyumbang utama kepada hasil kesusasteraan Melayu bertulis.

Kitab-kitab yang tersimpan ini tidak seperti kebanyakan genre sastera yang lain, terus dibaca dan dikaji secara berterusan oleh para pelajar Islam. Pengajian ini, sama ada di institusi-institusi formal seperti pondok dan balaisah mahupun secara tidak formal seperti pembacaan sendirian dan berkumpul di rumah-rumah telah menjadikan ia sebagai sebuah karya yang berharga. Oleh kerana kitab-kitab ini bukanlah hasil kesusasteraan dalam erti kata sebenar, maka ia sering kali disebut hanya sebagai kitab kuning atau kitab jawi oleh para pengkaji mutakhir.

Mohd. Nor Ngah (1985) menyebut karya-karya ulama ini sebagai *kitab jawi*. Secara literalnya, "*kitab* bermaksud buku". *Jawi* pula bermaksud "orang-orang Jawa" yang dirujuk kepada makna "Melayu" oleh orang-orang Arab lampau (*kerana*) mereka menganggap semua orang di Kepulauan Melayu adalah orang-orang Jawa.

Dengan itu penulisan orang-orang Melayu menggunakan aksara Arab dipanggil tulisan jawi². Kitab jawi kebanyakannya tertulis antara abad ke 17 dan 20 M.

Sementara itu Sri Wulan Rudjiati Mulyadi pula menamakan kitab-kitab ini sebagai *naskhah Melayu Islam*, iaitu naskhah Melayu tulisan jawi yang berkait langsung dengan ilmu-ilmu Islam, termasuk juga naskhah-naskhah Arab yang mempunyai terjemahan Melayu dibawah teks Arab³. Matheson dan Hooker menamakan kitab-kitab ini sebagai *kitab jawi* iaitu kesusasteraan tulisan Melayu Islam yang merangkumi kitab yang tertulis dalam bahasa Melayu dan Arab⁴.

Bruinessen (1999) telah mengkategorikan semua tulisan keagamaan dalam tulisan jawi (huruf Arab) sama ada dalam bahasa Arab, Melayu (Indonesia), mahupun bahasa daerah seperti Bugis adalah *kitab kuning*. Ini berbeza dengan buku putih yakni ilmu - ilmu Islam yang ditulis dalam tulisan Rumi (Latin). Titik tolak yang beliau gunakan untuk membezakan antara “kitab kuning” dengan “buku putih” ialah hasil penulisan, yakni sama ada ia ditulis dalam huruf Arab (jawi) atau huruf Latin (rumi), bukan berdasarkan tarikh penulisan, gaya bahasa, dan sebagainya.

Abu Hassan Sham (1988) menyebut kitab jawi atau kitab kuning sebagai buku-buku agama dalam bahasa Melayu yang ditulis dalam tulisan Jawi. Takrifan beliau tidak membataskan masa dan tempat untuk mencirikan sesebuah tulisan itu sebagai kitab jawi.

Pendapat-pendapat para sarjana tentang kitab jawi saya rumuskan seperti berikut: Kitab jawi ialah hasil penulisan ilmu agama yang menggunakan tulisan jawi sebagai mediumnya, sama ada hasil tulisan tersebut dalam bahasa Melayu, Arab (dengan terjemahan dalam bahasa Melayu) atau bahasa-bahasa daerah lain seperti Bugis dan Jawa yang ditulis oleh para penulis dan ulama tempatan menggunakan gaya bahasa klasik dan khusus.

3.2 Kemunculan dan Perkembangan Kitab Jawi di Kepulauan Melayu

Kitab-kitab jawi (dalam kesusasteraan ia tergoiiong genre dalam “sastera kitab”), seperti yang telah kita perkatakan sebelum ini muncul serentak dengan perkembangan Islam di rantau ini. Islam tidak sahaja membawa pengajaran agama secara lisan, bahkan telah turut merubah sistem tulisan dan intelektual penduduk kepulauan Melayu.

Para ulama yang menjadi mubaligh telah berjaya mengusir kebudayaan dan tulisan dari India, terutama Pallava dan Sanskrit dari kehidupan raja-raja Melayu. Lebih jauh lagi mereka telah berjaya mengembangkan kebudayaan tulisan ini ke seluruh masyarakat, dan dengan itu tidak menjadikan tulisan hanya boleh dipelajari oleh golongan raja-raja dan sami-sami secara eksklusif seperti dalam era Hindu-Buddha. Perkembangan tulisan Arab dengan penambahan huruf Parsi ini telah berjaya menjadikan masyarakat Melayu celik huruf dan sekali gus menjadikan tamadun Islam di Asia Tenggara ditandai dengan tamadun intelektual⁵.

Perkembangan tulisan yang tidak hanya tertumpu kepada golongan elit istana telah menjadikan seluruh umat Islam di Alam Melayu berupaya belajar dan

mendalami ilmu pengetahuan agama sehingga menjadikan mereka golongan ulama yang tersohor. Menyedari kepentingan ilmu, maka para ulama telah merakamkan ilmu mereka dalam bentuk tulisan dan tersebar ke seluruh Alam Melayu. Walaupun tanpa alat percetakan yang canggih, hasil tulisan mereka telah disalin dan disebar dengan meluas, sehingga kitab-kitab yang asalnya ditulis di Banjarmasin berjaya didapati dalam bentuk tulisan tangan di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu.

Jelas sekali para ulama dewasa itu begitu produktif menulis, menterjemah, dan menyalin karya-karya ilmiah ini. Lantaran itu tidak hairanlah, selain daripada ulama pengarang, terdapat dengan begitu ramai golongan penyalin dan sesetengahnya begitu terkenal seperti Haji Mahmud bin Muhammad Yusuf Terengganu yang telah menyalin kitab-kitab seperti *al-Targhīb wa al-Tarhīb li bai'ī wa al-shira* oleh Sheikh Abdul Kadir Bukit Bayas, *Dur' al-Nafīs* oleh Muhammad Nafis al-Banjari, *Manhāl al-Ṣāfi fī Bayan Ramz ahl al-Ṣūfi* (Syekh Daud bin Abdullah al-Fatani), dan *Syarah Syair Hamzah Fansuri* (Syamsuddin al-Sumatra'i). Begitu juga tokoh-tokoh lain seperti Haji Muhammad Latif Husein al-Fatani, Haji Abdul Qadir bin Ismail al-Fatani, dan lain-lain lagi⁶.

Kelahiran penyalin kitab ini menunjukkan betapa perkembangan ilmu berjalan dengan pesat sehingga penulis asalnya tidak mampu untuk menyalin sendiri naskah-naskah beliau dengan begitu banyak. Dan sesetengah ulama, seperti Tuk Syekh Duyong dan Syekh Abdul Kadir Bukit Bayas menggunakan khidmat penyalin kitab untuk menyalin kitab-kitab yang mereka gunakan dalam pengajian ilmu mereka.

Bidang ilmu yang terbesar dalam penulisan kitab jawi ialah bidang ilmu fikah, usuluddin, dan tasawuf. Ketiga-tiga bidang ilmu ini mendominasi penghasilan kitab-kitab itu. Bidang-bidang lain nampaknya kurang diberikan perhatian oleh para ulama silam. Bruinessen (1995) semasa mengkaji indeks kitab-kitab yang digunakan dalam pengajian pondok (pesantren) di Indonesia mendapati tidak terdapatnya bidang ilmu lain selain daripada tiga cabang yang telah disebut itu. Menurutnyanya :

... yang menarik adalah tidak adanya beberapa dimensi tradisi klasik: sementara banyak kitab fiqh dipelajari, tidak ada satu pun kitab ushul al-fikah yang tercatat. Kitab tafsir, misalnya, hanya ada karya kedua Jalaluddin (Jalalain : Suyuthi dan Mahalli) serta tafsir Baidhawi. Meskipun kumpulan hadith Bukhari dibawa beberapa kiai, tidak ada kitab hadis yang benar-benar dipelajari di pesantren. Dalam tiga bidang inilah, sejak tahun 1888-an, kurikulum pesantren diperkaya⁷

Jelas sekali sejak dahulu pengajian ilmu fikah, usuluddin dan tasawuf sahaja yang telah wujud secara meluas di pondok-pondok dan pesantren sama ada di Indonesia mahupun di Semenanjung Tanah Melayu termasuk Patani. Oleh kerana itu tidak hairanlah jika daripada direktori-direktori kitab-kitab jawi yang dibuat oleh para pengkaji menunjukkan sehingga 90% kitab-kitab yang didapati hingga kini (sama ada di kedai-kedai buku atau pusat-pusat pengajian tradisional) adalah dalam tiga bidang tersebut.⁸

Dalam bidang tasawuf kitab-kitab jawi ini merangkumi dua aliran tasawuf, iaitu tasawuf Sunni dan tasawuf falsafah. Namun begitu terdapat juga campuran kedua-dua aliran dalam sebuah kitab, menunjukkan penerimaan unsur-unsur falsafah dalam tasawuf Sunni. Sebagai contoh kitab tasawuf Nuruddin al-Raniri yang menolak kitab-kitab tasawuf *Wahdat al-Wujūd* Hamzah Fansuri dan muridnya, Syamsuddin al-Sumatra'i, *Hujjat al-Siddiq li Daf'i Zindiq*. Ia makin jelas dalam kitab

Sayr al-Sālikīn oleh Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dan *Manhāl al-Ṣāfi fi Ramz ahl al-Ṣūfi* oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani.

Perkembangan kitab jawi, termasuk ilmu tasawuf secara umumnya, menurut perkiraan penulis, dapat dibahagikan kepada tiga pola atau bentuk. Bentuk-bentuk tersebut ialah seperti berikut:

- i. Penulisan kitab jawi berdasarkan penterjemahan dari kitab-kitab Arab secara harfiah. Biasanya dengan menempatkan terjemahan tersebut di bawah teks-teks Arab asalnya (terjemahan antara baris). Biasanya teks sebegini adalah teks-teks terawal Islam yang datang ke Kepulauan Melayu. Ia merupakan satu usaha awal penterjemahan kitab-kitab awal dalam bahasa Arab untuk lebih mudah dimengerti oleh penduduk tempatan. Bahkan kemungkinan juga orang yang sama menulis kitab tersebut. Yakni kemungkinan ulama yang mengajar kerana jarang sekali para pelajar mendapat peluang memiliki kitab mereka sendiri. Hal ini dapat dilihat dari contoh teks '*Aqā'id al-Nasāfi*' yang dikatakan kitab tertua yang diketahui oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas. Walau pun begitu menurut beliau, terjemahan Melayu kitab tersebut tidak dibuat oleh orang yang sama menulis teks Arabnya⁹.
- ii. Penterjemahan secara bebas oleh penterjemah dan ulama Melayu terhadap kitab-kitab muktabar dalam bahasa Arab. Sebagai contohnya ia dilakukan oleh Syeikh Abdul Samad al-Falimani (q.s) terhadap kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* dan *Hidāyat al-Sālikīn* oleh Imam al-Ghazali (r.h). Begitu juga dengan Tuk Pulau Manis yang menterjemah kitab *Hikam* Ibn 'Atā'illāh al-Iskandāri.

iii. Hasil tulisan ulama tempatan sepenuhnya berdasarkan masalah setempat dengan berpandukan kepada pandangan dan garis panduan daripada kitab-kitab Islam yang muktabar. Sebagai contoh karangan Syekh Hamzah Fansuri, *Syarāb al-'Āsyiqīn*, *Asrār al-'Ārifīn*, *al-Muntahī*, dan *Syair Sidang Fakir*. Begitu juga dengan kitab *Ma'ārij al-Lahfān Taraqqī ila Ḥaqā'iq al-Irfān* oleh Tuk Ku Paloh dan *al-Durr al-Nafis* oleh Syekh Muhammad Nafis al-Banjari.

Walau bagaimanapun ia tidaklah bermaksud semua kitab yang terhasil mengikut pola tersebut secara tersusun dari pola pertama hingga ketiga. Terdapat kitab-kitab yang terhasil mendahului pola, seperti fasa ketiga (penulisan sepenuhnya oleh ulama tempatan) terhasil sebelum fasa pertama. Bahkan dalam tradisi penulisan tasawuf, kita dapati perkara beginilah yang berlaku. Syekh Hamzah Fansuri dan Syekh Syamsuddin al-Sumatra'i menjadi ulama penulis yang pertama menulis ilmu tasawuf. Mereka menulis, seperti kata Syekh Hamzah – dalam kitabnya *Syarāb al-'Āsyiqīn*, "...supaya segala hamba Allah yang tiada tahu akan bahasa 'Arab dan bahasa Farsi supaya dapat memicharakan dia"¹⁰. Kitab-kitab Hamzah Fansuri ini adalah karya aslinya dalam bahasa Melayu dan menjadi karya pertama dalam bahasa itu.

Kitab dalam disiplin ilmu tasawuf dipelopori oleh Hamzah Fansuri dan muridnya, Syamsuddin al-Sumatra'i, di saat kerajaan Aceh berada di puncak kegemilangannya semasa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Pada masa itu disiplin ilmu tasawuf, terutama tasawuf wahdat al-wujūd berkembang pesat dan tersebar dengan begitu meluas. Serentak dengan itu hasil tulisan ulama sufi

dalam kitab-kitab tasawuf terus berkembang. Polemik benar- salah ajaran tasawuf wahdat al-wujūd yang dibawa oleh kedua-dua tokoh utama ini telah muncul selepas kematian kedua-dua ulama tersebut.

Syeikh Nuruddin dari Rander, India kembali semula ke Aceh dari Pahang (selepas kedatangannya kali pertama ke sana tidak mendapat sambutan daripada pemerintah dan rakyatnya) dan menyerang fahaman kedua-dua tokoh yang telah meninggal dunia tersebut. Beliau menulis dalam bahasa Melayu sebuah kitab tasawuf yang menolak fahaman wujūdiyah ala Fansuri dan al-Sumatra'i dan menggelarkannya sebagai aliran wujūdiyah "yang mulhid". Beliau seterusnya telah menerangkan wujūdiyah yang "muwahhid" – yang benar seperti yang diajarkan oleh Ibn 'Arabi, dalam kitabnya *Hujjat al-Siddiq li Daf'i Zindīq*. Selain daripada itu, beliau turut menulis kitab-kitab lain seperti *Jawāhir al-'Ulūm fi Kasyf al-Ma'lūm*, dan *Tibyān fi Ma'rifat al-Adyān*.

Walaupun polemik berterusan antara pengikut wahdat al-wujūd Hamzah Fansuri dan Nuruddin, namun al-Raniri tidak menterjemah kitab agung Ibn 'Arabi sama ada *Fuṣūṣ al-Hikam* ataupun *Fath Makkīyah*. Beliau hanya mengambil idea dan pandangan dari kedua-dua kitab tersebut menurut pemahamannya sendiri. Dalam erti kata lain, para murid yang tidak fasih bahasa Arab tidak dapat meneliti hujah Syeikh Akbar secara langsung dari kitabnya yang utama itu. Dalam satu sudut yang lain, al-Raniri telah berjaya mengaplikasikan isi-isi penting pengajaran Syeikh Akbar Muhyiddin Ibn 'Arabi dalam konteks sosial masyarakat Melayu pada masa itu tanpa perlu bercerita panjang terhadap konsep-konsep yang sukar untuk dimengertikan mereka.

Seterusnya zaman kegemilangan Aceh diteruskan oleh Syeikh Abdul Rauf Singkel (atau Syiah @ Syeikh Kuala) yang telah menulis banyak kitab yang menerangkan kebenaran ilmu tasawuf. Yang penting katanya, bukan saling menyalahkan tetapi mencari kebenaran. Amanat beliau terakam dalam Syair Makrifat yang ditulisnya di Aceh. Begitu juga penerangannya dalam kitab-kitab beliau yang lain seperti *Umdātu 'l-Muhtajīn*, *Kitābu 'l-Tarīqat al-Syatāriyyah*, *Syamsu 'l-Ma'rifat* dan lain-lain.

Syeikh Abdul Samad al-Falimbani yang lahir terkemudian daripada tokoh-tokoh ini pula telah berjaya mengharmonikan pertelingkahan aliran tasawuf wahdat al-wujūd dan tasawuf Sunni. Beliau telah menulis “terjemahan kitab” *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* dengan nama *Sayr al-Sālikīn* dan *Hidāyat al-Sālikīn* dengan nama yang sama karangan asalnya oleh Imam al-Ghazali (r.h). Karangan beliau menadapat sambutan yang menggalakkan daripada umat Islam di rantau ini dan terus menjadi sumber pengajian dan bacaan umum. Cara beliau ini walaupun mendapat kritikan daripada sarjana mutakhir kerana mencemarkan pandangan al-Ghazali (r.h) yang tulin¹¹, telah berjaya meredakan perselisihan antara pengikut fahaman kaum wujūdiyah dengan ahl al-Sunnah.

Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari pula, yang hidup sezaman dengan Syeikh Abdul Samad telah menulis sebuah karyanya sendiri yang menerangkan tentang ajaran martabat tujuh. Kitab beliau, *Durr al-Nafīs* telah menjadi bahan kajian dan renungan para pengamal ajaran tasawuf. Dan kitab karangannya ini tidak menerima halangan atau tentangan kepada masyarakat Islam massa.

Pada kurun ke 19 dan awal 20 Masihi perkembangan kitab-kitab di rantau ini semakin rancak. Ia disebabkan pengenalan teknik percetakan di rantau ini. Kitab-kitab yang ditulis oleh para ulama semasa telah dicetak batu sama ada di Mekah atau Mesir. Bahkan Khalifah Islam 'Uthmāniyyah Turki telah mewujudkan sebuah jabatan yang mengendalikan pengeluaran kitab-kitab dari Kepulauan Melayu dengan melantik *pentashih* (editor) untuk mentashihkan kitab-kitab yang akan diterbitkan. Antara pentashih yang terkenal ialah Syeikh Abdullah al-Fatani dan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Mereka telah mentashih begitu banyak kitab-kitab ulama Nusantara di samping turut menulis karya mereka sendiri dengan penuh produktif. Keadaan ini telah menyebabkan penghasilan kitab-kitab jawi semakin produktif dan berkembang pesat.

Selepas kejatuhan kerajaan Khalifah 'Uthmaniyyah Turki, negara Islam telah berpecah dan mula dijajah oleh para penjajah – penjarah barat satu demi satu. Di Kepulauan Melayu, Inggeris, Belanda, Portugis, Perancis dan Sepanyol telah membahagikan wilayah ini sesama mereka. Kemasukan mereka ini selain membawa kehancuran dan kemusnahan kepada masyarakat, turut menyumbang kepada perkembangan teknik percetakan ke Nusantara. Beberapa syarikat dan organisasi telah mencetak kitab-kitab di kawasan ini sendiri seperti Percetakan Ahmadiyah di Pulau Penyengat (yang dimiliki oleh keluarga Diraja Johor- Riau), al-Mu'arif di Pulau Pinang, dan Sulayman Mar'ie di Singapura.

Kemunculan alat percetakan tersebut telah memberi banyak faedah kepada perkembangan kitab jawi. Karya-karya ulama tersohor telah dicetak berulang kali di

banyak tempat. Misalnya karya terbesar Syeikh Daud al-Fatani, *Furū' al-Masā'il* telah dicetak pada awalnya di *Dar Ihyā'*, Mesir. Ia kemudiannya dicetak ulang di Pulau Pinang oleh *al-Mu'ārif*, dan seterusnya oleh diterbitkan lagi oleh *Isa al-Baba*. Begitu juga kitab Syeikh Daud yang lain seperti *Minhāj al-'Ābidīn* diterbitkan kali pertama oleh *al-Mu'ārif* Pulau Pinang. Kemudian ia dicetak ulang oleh penerbit *Man Han* di Singapura dan penerbit di Jeddah ¹².

Pengenalan alat percetakan juga telah membolehkan kitab-kitab jawi diterbitkan dengan lebih banyak dan pantas dan dengan itu menyebarkan karya-karya ulama Nusantara. Oleh kerana karya-karya ulama tradisional tidak mempunyai hak cipta, maka proses percetakan dan penerbitan semula tidak sukar. Dengan itu juga proses pengembangan kitab-kitab ini berjalan berterusan.

Perkembangan alat cetak pada kurun ke 20 telah menyaksikan ramai penulis menulis karya-karya keagamaan dengan penuh dedikasi dan produktif. Pada ketika ini, kebanyakan ulama seperti Raja Ali Haji dengan *Safīnat al-Hukkām*, Syeikh Ahmad bin Abdul Latif al-Minangkabawi dengan kitabnya yang menentang pengajaran martabat tujuh yang disandarkan kepada Imam Ghazali dan ulama yang berpura-pura sebagai ahli sufi wahdat al-wujūd, *al-Syumus al-Lam'ah fi Radd Bid'i ahl al-Sab'ah* dan lain-lain menulis karya mereka sendiri berpandukan masalah semasa dalam masyarakat Melayu. *Jalā' al-Qulūb* oleh Tuan Tabal turut berbuat demikian dalam usaha menghurai konsep-konsep tasawuf yang tinggi.

Tegasnya, perkembangan penulisan karya-karya agama menerusi kitab-kitab jawi berkembang pesat dan produktif sekali. Boleh dikatakan setiap orang yang

bergelar ulama akan menulis sekurang-kurangnya sebuah kitab bagi paling kurang kegunaannya untuk mengajar. Dan kitab ini disalin kembali oleh muridnya atau para penyalin profesional seperti yang telah disebutkan tadi. Apabila wujudnya industri alat cetak, peranan penyalin ini telah diambil alih oleh alat cetak menjadikan penyebaran kitab jawi lebih pesat lagi. Keproduktifan para ulama – pengarang ini sungguh menakjubkan hingga ada yang, seperti Syeikh Daud al-Fatani menulis lebih daripada 30 karya ilmiah keagamaan dalam pelbagai disiplin ilmu Islam sepanjang hayatnya, seperti yang akan dibicarakan dalam bahagian berikutnya (bab 3.3).

3.3 Penulis-penulis Prolifik Kitab Jawi (Tasawuf) dan Karya-karya Mereka

Dalam bahagian sebelum ini (bab 3.2) telah disebutkan bagaimana kitab jawi berkembang pesat ke seluruh kepulauan Melayu. Ulama-ulama Islam tradisional tidak pernah menjadikan masalah alat penulisan dan kesibukan tugas harian (seperti mengajar, bertani, bahkan sesetengahnya seperti Syeikh Abdul Samad al-Falembani, Syeikh Abdullah al-Fatani dan Syeikh Daud al-Fatani sebagai mujahidin menentang penjajahan Siam ke atas tanah air mereka) sebagai alasan untuk tidak menghasilkan karya-karya besar. Mereka berkarya dengan penuh dedikasi dan terbukti karya mereka cukup unggul dan masih digunakan hingga kini.

Kesungguhan para ulama ini memperjuangkan syiar Allah di muka bumi telah menjadikan mereka para penulis yang produktif. Keproduktifan mereka ini dapat kita lihat kesannya hingga kini apabila sebahagian besar daripada warisan kesusasteraan bersurat kita adalah sastera kitab. Para ulama – pengarang yang terdapat di seluruh kawasan kepulauan Melayu, dari Sulu-Mindanao di timur hingga ke Sumatera di barat, dan dari Champa di utara hingga ke Jawa di selatan telah acap

kali disentuh oleh para sarjana tempatan mahupun asing. Lantaran itu, dengan tidak ingin mengulang-ulang perkara yang sama, tulisan ini akan hanya menyentuh secara sepintas lalu beberapa orang ulama tasawuf yang produktif menghasilkan kitab-kitab dalam bidang tasawuf. Diharapkan dengan tumpuan sedemikian, tulisan ini tidak akan menyeleweng ke arah yang tidak terkawal dan tidak tepat dengan mauduk perbahasan, walau pun ia mungkin ada sedikit kerelevanannya.

Membicarakan ulama tasawuf, tidak lengkap kiranya tidak menyebut ulama terunggul dalam bidang tersebut. Ulama tersebut - yang diangkat oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) sebagai “Bapa Kesusasteraan Melayu Moden” – ialah Syeikh Hamzah Fansūri. Beliau dikatakan sebagai penulis kitab tasawuf pertama dalam bahasa Melayu. Karangan beliau begitu asli dan penuh dengan akar kemelayuan. Beliau menulis dalam kedua-dua bentuk, iaitu dalam bentuk prosa dan puisi. Antara kitab yang dihasilkan beliau dalam bentuk prosa ialah *Asrār al-‘Ārifīn fi Bayān Ilmu Suluk wa al-Tauhid*, *Syarāb al-‘Āsyiqīn (Zīnat Muwahhidīn)*, dan *al-Muntahī*¹³. Ketiga-tiga buah karangan tersebut bolehlah dikatakan trilogi karya tasawuf beliau. Ini sesuai dengan penjelasan beliau sendiri dalam setiap kitab tersebut, yakni kitab *Asrār al-‘Ārifīn* ditujukan kepada murid yang baru belajar, *Syarāb al-‘Āsyiqīn* kepada murid yang pertengahan, sementara *al-Muntahī* (maksudnya yang penghabisan/ tertinggi), sesuai dengan namanya ditujukan kepada murid yang telah melewati dua peringkat terdahulu.

Syeikh Hamzah juga menulis dalam bentuk syair. Bahkan, menurut Syed Muhammad Naquib (1976), beliau adalah orang yang mencipta genre syair dalam kesusasteraan Melayu¹⁴. Semua syair Syeikh Hamzah bercorak tasawuf falsafah

aliran wahdat al-wujūd yang dipegang olehnya. Antara syair yang beliau hasilkan ialah Syair Perahu¹⁵, Rubā'i Hamzah Fansuri, Syair Burung Pingai, Syair Burung Nuri, dan Syair Ikan Tunggal¹⁶.

Selain daripada Syeikh Hamzah, ulama lain yang hidup di zaman kegemilangan Aceh ialah murid beliau yang juga Qadi Malik al-'Adil kerajaan Aceh, Syeikh Syamsuddin bin Abdullah al-Sumatra'i (atau Pasa'i). Seperti gurunya, beliau turut menganut tasawuf wahdat al-wujūd dan menulis dalam kedua-dua bahasa, Melayu dan Arab.

Antara hasil tulisan Syeikh Syamsuddin dalam bahasa Arab ialah *Jawāhir al-Ḥaqā'iq*, *Tanbīh al-Tullāb fi Ma'rifat Malik al-Wahhāb*, *Risālah Bayyimu Mulāḥazāt al-Muwahhidīn 'ala al-Muhtādī fi Dhikri 'l-Llāh*, *Kitab al-Harakāt*, dan *Nur al-Daqā'iq*. Dalam bahasa Melayu pula ialah *Mir'āt al-Īmān*, *Mir'āt al-Mukmīn*, *Mir'āt al-Ḥaqāiqah*, *Mir'āt al-Muḥaqqiqīn*, *Syarah Mir'āt al-Qulūb*, *Dhikr Dā'irah Qabā Qawsayni aw Adnā*, dan *Syarah Ruba'i Hamzah Fanṣūri*. Sementara itu beberapa buah kitab lagi tidak dipastikan bahasanya iaitu *Nur al-Ḥaqā'iq* (mungkin sama dengan dengan kitab yang berjudul *Nur al-Daqā'iq*), *Kitab Tazyim*, *Syarāb al-'Ārifīn*, *Kitab al-Martabat*, *Risālah al-Wahhāb*, *Tanbīh Allah* (Mungkin sama dengan kitab *Tanbīh al-Tullāb*), dan *Risālah al-Wahdah*¹⁷.

Tidak lengkap menyebut sejarah kegemilangan keintelektualan Aceh tanpa menyebut Syeikh Nuruddin bin Ali bin Hasanji al-Raniri dan Syeikh Abdul Rauf bin Ali Fansuri. Kedua-dua tokoh ini dianggap mereka yang memperjuangkan kebenaran tasawuf menurut akidah Ahl al-Sunnah. Syeikh Nuruddin al-Raniri ialah seorang

ulama dari Ranir / Rander, India tetapi fasih berbahasa Melayu. Selepas tidak menerima sambutan ketika kedatangannya yang pertama di Aceh, beliau berdakwah di Pahang. Selepas kematian Qadi Malik al-Adil Syeikh Syamsuddin al-Sumatra'i, beliau diangkat ke jawatan itu oleh Sultan Iskandar Thani, pengganti Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Di Aceh, beliau telah menentang keras kewujudan tasawuf wujūdiyyah yang dibawa oleh Syeikh Hamzah Fansuri dan Syeikh Syamsuddin al-Sumatra'i dengan mengeluarkan fatwa bahawa tasawuf kedua-dua mereka itu sesat dan sesiapa yang mengikutnya adalah kafir, mulhid, dan zindiq. Lantaran itu mereka yang masih mengamalkan ajaran kedua-dua tokoh tersebut dihukum bunuh.

Syeikh Nuruddin menulis banyak kitab dalam ilmu Islam seperti fikah dan juga sejarah Aceh dan peraturan berkerajaan. Namun kebanyakan kitabnya membicarakan ilmu tasawuf, menyerang fahaman wujūdiyyah mulhid yang dibawa oleh Syeikh Hamzah dan Syeikh Syamsuddin. Antara kitab yang dituliskannya ialah *Hujjat al-Ṣidīq li Daf'i Zindīq*, *Ḥill al-Zill*, *Mā' al-Ḥayati li Aḥli al-Mamāt*, *Jawāhir al-'Ulūm fi Kasyf al-Ma'lūm*, *Fatḥ al-Mubīn 'ala al-Mulḥidīn*, *Fatḥ al-Wadūd fi Bayān al-Waḥdat al-Wujūd*, *'Ain al-Wujūd fi Bayan al-Waḥdat al-Wujūd*, dan *'Aqā'id al-Ṣufiyyah al-Muwaḥḥidīn*¹⁸

Syeikh Abdul Rauf Fansuri (juga dikenali dengan nama Syeikh Abdul Rauf Singkel dan Syiah Kuala) pula menjawat jawatan Qadi Malik al-Adil semasa pemerintahan Sultanah Safiyat al-Din Syah. Beliau yang juga merupakan anak saudara Syeikh Hamzah Fansuri¹⁹ merupakan seorang ulama yang bijaksana. Walaupun beliau kurang bersetuju dengan tasawuf wujūdiyyah ala Hamzah dan Syamsuddin, namun beliau tidak mengambil sikap keras seperti Syeikh Nuruddin

yang menghukumkan kafir kepada mereka. Beliau berpendapat tidak perlu dikatakan mereka kafir kerana jika mereka tidak kafir sudah pasti perkataan itu akan kembali kepada mereka yang mengatakannya. Jika benar mereka kafir pula, cukuplah dipulangkan kepada Allah ehwal mereka itu²⁰.

Syeikh Abdul Rauf seperti juga bapa saudaranya, menulis dalam kedua-dua genre, prosa dan puisi. Antara karya prosa ilmiah beliau ialah *Daqā'iq al-Hurūf*, *Risalah Simpan*, *Bayān Itlaq*, *Risālah A'yān Thābitah*, *Kifāyah al-Muhtajīn ila Masyrab al-Muwaḥḥidīn al-Qalayni bi Wiḥdat al-Wujūd*, dan *'Umdat al-Muhtajīn ila Sulūk al-Mufrīdīn*. Sementara karya puisinya ialah *Syair Ma'rifat*.²¹

Warisan intelektual kerajaan Aceh disambung oleh beberapa orang ulama di Sumatra. Antaranya ialah Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, seorang ulama keturunan Arab Yaman. Beliau dianggarkan hidup antara tahun 1116H/1704M hingga 1203H/1788M, meninggal dunia syahid ketika berjihad menentang pencerobohan Siam di Kedah. Beliau menulis sejak berada di Hijāz dan menggerakkan usaha jihad dari sana lagi. Beliau pernah menulis surat kepada Sultan Mataram agar terus berjihad menentang Belanda dan mengirinkan dua orang yang boleh dianggap sesuai memimpin perjuangan tersebut.²²

Syeikh Abdul Samad menulis kitab yang begitu besar jasanya dalam dunia ilmu tasawuf Melayu. Tulisan beliau yang terbesar ialah *Sayr al-Sālikīn fi Ṭarīqah al-Sādāt al-Ṣūfiyyah*. Karya ini adalah terjemahan daripada kitab *Lubāb Iḥya' 'Ulum al-Dīn* karya Imam al-Ghazali. Namun ia merupakan terjemahan bebas dan beliau menjadi “pengarang bersama” karya tersebut dengan menambah pelbagai pendapat

dan tulisan ulama selain Imam al-Ghazālī (r.h) di dalamnya. Karya yang terdiri daripada empat jilid ini membicarakan usuluddin dan fikah pada jilid pertama dan kedua sekadar memenuhi ilmu fardu 'ain²³, dan pada jilid ketiga dan keempat berkenaan dengan tasawuf secara khusus dan sistematik. Sebelum mengerjakan *Sayr al-Sālikīn*, beliau telah menterjemah karya Imam al-Ghazali (r.h), *Bidāyah al-Hidāyah* ke dalam bahasa Melayu dengan nama *Hidāyat al-Sālikin fi Sulūki Maslak al-Muttaqīn*. Pada tahun 1192H/1778M.

Selain itu terdapat dua buah karya beliau yang lain dalam ilmu tasawuf iaitu terjemahan antara baris karangan Syeikh Muhammad bin Fadhlullah al-Burhanpuri al-Hindi, *Tuhfat al-Mursalah*. Kitab inilah yang menjadi induk kepada ajaran martabat tujuh Syeikh Syamsuddin al-Sumatra'i setelah diubah suai 40 martabat yang dicatatkan oleh al-Burhanpuri. Selain itu sebuah karya dalam bahasa Arab, *Risalah Tasawwuf* juga ditulisnya dengan terjemahan antara baris ke dalam bahasa Melayu.²⁴ Kitab-kitab lain yang dikarang beliau ialah *al-'Urwaḡ al-Wuthqā wa Silsilah 'Ulul al-Ittiqa*, *Ratib 'Abdul Samad al-Palimbani* (sebuah ratib berasaskan tarekat Sammaniyah), dan *al-Mukhlis al-Tuhbah al-Mafidha min al-Rahmat al-Mahdat*.²⁵

Sementara itu, tradisi intelektual di Semenanjung Tanah Melayu tidak kurang hebatnya. Kerajaan Patani yang menjadi sebuah kerajaan Islam yang unggul di Segenting Kra menjadi terkenal sebagai pusat pendidikan Islam terulung di rantau ini pada abad ke 18 hingga awal abad 20. Kemunculan ulama yang berkaliber dan memimpin pelbagai pondok di wilayah tersebut menjadi sebab utama para pelajar

dari seluruh pelusuk Asia Tenggara berguru ke sana sebagai persediaan ke Mekah dan Mesir atau menamatkan perguruannya di sana sahaja.

Antara ulama tersohor Patani ialah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang hidup antara tahun 1153H/1738M dan 1183H/1788M. Beliau dilahirkan di Parit Marhum dekat Keresik, Patani dan meninggal dunia di Taif, Hijaz²⁶. Beliau ialah ulama yang terbilang dalam bidang usuluddin (tauhid), syariat (fikah dan usul fikah), dan tasawuf. Antara karya beliau dalam bidang tasawuf ialah *Minhāj al-'Ābidīn ila Jannati Rabb al-'Ālamīn*. Ia adalah terjemahan bebas daripada kitab *Minhaj al-Abidin* Imam al-Ghazali (r.h). Sebuah karangan asli beliau, *Manhāl al-Ṣāfi fi Bayan Ramz ahl al-Ṣūfi* menerangkan tentang rumus-rumus atau istilah-istilah yang sering dipakai dalam ilmu tasawuf dan sering dikelirukan oleh mereka yang jahil atau berpura-pura faham dengan ilmu tersebut. Karangan ini memperjelaskan kebenaran tasawuf waḥdat al-wujūd Syaikh Akbar Muhyiddin Ibn 'Arabi. Kitab beliau yang lain ialah *Wasāya al-Abrār wa Maw'iz al-Akhyar* dan *Jamak al-Jamik ma'a al-Ta'rifah*.

Syeikh Daud juga menulis beberapa buah karya lain seperti *al-Qurbah Ila 'l-Llah* dan *Jam 'ul Fawā'id* selain menterjemah beberapa karya lain seperti *Bidāyah al-Hidāyah* Imam al-Ghazali (r.h) [penerjemah oleh Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (q.s)] dan *Kanz al-Minān* oleh Syeikh Abi Madyān (r.h)²⁷.

Selain Syeikh Daud, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, walaupun lebih terkenal sebagai ulama fikah, turut menyumbang dalam penulisan tasawuf. Beliau yang lahir pada 1272H/1850M telah menulis sebuah kitab dalam

bahasa Arab berjudul *'Ilmu Tasawwuf*.²⁸ Selain itu terdapat sebuah koleksi 5 buah tulisan dalam buku berjudul *Sufi dan Wali Allah* yang dikumpulkan oleh Hj. Wan Muhammad Shaghir Abdullah (cucu Syeikh Al-nad al-Fatani). Salah sebuah tulisan Syeikh Ahmad ialah *Mir'at al-'Ajā'ib* yang merupakan respons kepada soalan Sultan Kelantan tentang tarekat yang dibawa dari Negeri Sembilan²⁹.

Di Tanah Melayu pula, muncul beberapa nama terkenal. Antaranya Syeikh Abdul Malik bin Syeikh Abdullah yang terkenal dengan nama Tuk Pulau Manis dari Terengganu. Beliau menulis pelbagai jenis kitab seperti yang disebutkan sebelum ini (**bab 2.4**). Dalam ilmu tasawuf, beliau menulis *Kaifiyat al-Niyyah* yang mengambil inti pati daripada kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* karya Imam al-Ghazālī (r.h). Kitab terbesar Tuk Pulau Manis ialah terjemahan *Hikam* Ibn 'Atā'illāh al-Iskandāri. Kitab yang membicarakan tasawuf akhlak ini menjadi rujukan utama masyarakat Islam di seluruh Nusantara. Bahkan di Terengganu ia "hampir" menjadi teks wajib dalam sistem pengajian tasawuf kontemporari (**lihat bab 5**).

Selain Tuk Pulau Manis, ulama yang terkenal dengan keilmuan dan keprofifikan penulisannya ialah ulama berketurunan Sayyid al-'Idrus. Tuk Ku Tuan Besar (Sayyid Muhammad al-'Idrus) terkenal dengan nazam memuji Rasulullah seperti *Kanz al-Ūla*, sementara anaknya, Sayyid Abdul Rahman (Tuk Ku Paloh) pula terkenal dengan kitabnya *Ma'ārij al-Lahfān* (**lihat bab 2.4 dan 3.4**).

Sementara itu, Kelantan yang terkenal sebagai salah satu pusat pengajian Islam dengan pertumbuhan sekolah-sekolah pondok yang begitu menggalakkan telah melahirkan ramai ulama tersohor hingga kini. Dalam bidang tasawuf, Abdul Samad

bin Muhammad Salih al-Kelantani yang terkenal dengan nama Tuan Tabal telah meninggalkan beberapa buah kitab yang penting. Antaranya ialah *Bab Harap*, *Munyatu Ahli al-Awbah fi Bayān al-Tawbah*, *Munabbih al-Ghāfilin*, dan *Jalā' al-Qulub*³⁰. Kitab *Jalā' al-Qulub* merupakan karyanya yang terpenting daln menjadi antara kitab yang masih diajarkan di pondok-pondok hingga kini. Ia bertitik tolak daripada kepentingan *tazkiyah al-nafs* untuk mencapai makam tertinggi.

Ulama dari Borneo terutama Pontianak, Banjar, dan Sambas juga tidak ketinggalan menyumbang kepada perkembangan pesat penulisan kitab jawi. Antara tulisan terkenal dari Kalimantan ialah *Sabīl al-Muhtadīn* dan *Kitab Perukunan* dalam bidang fikah oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. Dalam ilmu tasawuf pula beliau mempertahankan kesucian Islam dengan mengambil tasawuf akhlak menurut fahaman *ahl al-Sunnah wa 'l-Jamā'ah* dan menentang keras fahaman wujūdiyah. Hal ini dapat dilihat dari kitab karangannya *Tuhfat al-Rāghibin fi Bayān Haqīqat Iman al-Mu'minīn wama Yufsiduha fi Riddati al-Murtaddīn*³¹.

Muhammad Nafis bin Idris al-Banjari yang terkenal dengan kitabnya *Durr al-Nafis* merupakan salah seorang ulama tasawuf yang terkenal di Kepulauan Melayu. Beliau menegakkan keesaan Allah dari sudut *dhat*, *sifat*, *af'al dan asma'* yang termasuk dalam ajaran tasawuf wahdat al-wujūd. Selain itu konsep martabat tujuh telah diterima oleh Syeikh Muhammad Nafis dan dimuatkan dalam kitab karangannya itu. Sehingga kini karangan beliau dibaca dan diajar kepada murid-murid yang telah sampai ke tahap yang tinggi dalam pengajian tasawuf. Selain itu sebuah lagi karyanya yang berkait dengan ilmu tasawuf ialah *Majmu' al-Asrār li Ahl Allah al-Athyār*³². Ia masih berbentuk manuskrip dan tidak diterbitkan.

Selain itu seorang ulama tersohor Melayu dari Banten tetapi menetap dan menulis di Mekah ialah Syeikh Nawawi Banten. Sebuah kitab tasawufnya yang terkenal ialah *Naṣā'ih al-'Ibad*, iaitu syarah kepada kitab *al-Nabāhah 'Ala Isti'dād* karya Ibn Hajar al-Asqalāni (r.h). Ia berkaitan dengan tasawuf akhlak, iaitu adab-adab dan akhlak-akhlak terpuji³³.

Sesungguhnya ulama Melayu di seluruh Kepulauan Melayu telah menyumbang banyak jasa dalam perkembangan ilmu tasawuf, terutama dalam bentuk penulisan kitab-kitab berkaitan dengan ilmu tersebut. Mereka menulis sama ada ketika berada di tanah air semasa mengajar mahupun lebih awal semasa berada di Mekah dan Hijaz sebelum kembali ke tanah air. Ketekunan mereka menyampaikan ilmu secara tulisan ini telah menyaksikan kitab-kitab dan karya-karya mereka terus digunakan sehingga hari ini dan nama mereka disebut sebagai ulama terbilang.

3.4 Kesimpulan

Pengaruh kitab jawi sebagai sumber utama pendidikan Islam di rantau ini memang tidak dapat disangkal lagi. Kejayaan Islam menjadikan penganutnya sebagai umat yang celik huruf telah menyumbang kepada perkembangan kitab jawi dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan Islam dengan subur.

Ilmu tasawuf sebagai ilmu yang mendapat tempat dihati umat Islam sejak awal kedatangannya ke Alam Melayu telah berjaya dikembangkan dengan meluas melalui kitab-kitab jawi ini. Selain dari bentuk prosa yang berupa karangan ilmiah

tulen, ia turut dikembangkan lewat puisi terutama syair. Kewujudan syair-syair Hamzah Fansuri, Abdul Rauf Singkel, Tuk Shihabudin Temerloh, dan Engku Sayid Muhammad al-'Idrus Terengganu telah menjadikan ia sebagai satu ajaran yang mudah dipelajari dan berkembang pesat pula.

Di Terengganu kewujudan kitab jawi amat ditandai oleh kewujudan kitab-kitab Syaikh Abdul Malik bin Abdullah (Tuk Pulau Manis) iaitu *Kaifiyah al-Niyyāt* dan *Syarah Hikam*. Kedua-dua kitab ini memberi sumbangan besar dalam perkembangan tasawuf Sunni di Terengganu. Bahkan sehingga kini kitab *Šarah Hikam* masih amat popular seperti yang akan ditunjukkan dalam bab empat dan lima kajian ini.

Selain itu, keluarga al-'Idrus telah memberi sumbangan besar terhadap perkembangan Islam di Terengganu termasuklah ilmu tasawuf. Engku Tuan Besar telah menulis nazam-nazam berkisar riwayat hidup, sifat-sifat dan akhlak-akhlak Rasulullah (S.A.W) dan dilagukan sehingga ke 32 jenis. Selain itu beliau turut menulis ratib Haddād yang menjadi pegangan beliau dalam tarekat, selain amalannya dalam tarekat Naqshabandiyah.

Anak beliau, Sayyid Abdul Rahman al-'Idrus merupakan tokoh ulama transisi zaman tradisional – moden. Beliau, selain kekeramatannya juga terkenal dengan kitabnya *Ma'ārij al-Lahfān*, sebuah karangan tauhid berkonsepkan tasawuf yang bermatlamat mengesakan Allah daripada sebarang syirik.

Sesungguhnya kewujudan kitab-kitab jawi telah berjaya menyebarkan Islam ke seluruh Alam Melayu. Malah hingga kini pengaruh kitab-kitab jawi tetap hebat dalam sistem pendidikan tradisional. Kitab-kitab moden yang wujud, walaupun ditulis oleh mereka yang berijazah Ph.D gagal menyaingi keistimewaan dan kepopularan kitab-kitab tersebut seperti yang akan ditunjukkan dalam bab keempat dan kelima nanti.

NOTA BAB

1 Zuber Usman, 1963. *Kesusasteraan lama Indonesia*. Jakarta: Gunung Agung, hlm. 17-20, dipetik oleh Ima'il Hamid, 1997. "Kitab Jawi : Intellectualizing Literary Tradition", dlm. Mohd. Taib Osman (ed.) 1997. *Islamic Civilization in the Malay World*. Kuala Lumpur & Istanbul: Dewan Bahasa dan Pustaka & The Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA), hlm. 202.

2 Mohd. Nor Ngah 1983. *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars*. Singapura : Institute of Southeast Asian Studies, hlm. 1. Lih. juga hlm.4.

3 Sri Wulan Ruljanti Mulyadi 1985. "Penelitian Naskah Melayu sebelum dan sesudah Kemerdekaan Indonesia". Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebudayaan Melayu di Tanjung Padang, Riau pada 17-20 Juli. dipetik oleh Mahayudin Hj. Yahya 1994. *Op.cit.*, hlm. x.

4 Matheson, Virginia & Hooker, M.B. 1988. "Jawi Literature in patani : The Maintenance of An Islamic Tradition", dlm. JMBRAS. Vol. LXI, Pt. 1, hlm. 1

5 Lih. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1979. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* Bangi : Penerbit UKM untuk perbahasan terperinci sumbangsan Islam dalam menegakkan tamadun Melayu.

6 Lih. Wan Mohd. Shaghir Abdullah 1993. "Teeok-tokok Penyalin Manuskrip Kitab dari Semenanjung Tanah Melayu", dlm. Jurnal Filologi Melayu. 2 : 2. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, hlm. 42 – 60.

7 Brunesen, Martin van 1995. *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat : Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*. Bandung : Penerbit Mizan, hlm. 29.

8 Lih. sebagai contoh kumpulan direktori oleh Matheson & Hooker 1988, *op.cit.*, Engku Ibrahim Engku Ismail & Osman Bakar 1992. *Bibliografi Manuskrip Islam di Mazraah Islam Malaysia*. Kuala Lumpur : BAHIES & Akademi Pengajian Melayu, UM, dan juga Brunesen 1995. *Op.cit.*

9 Lih., Syed Muhammad Naquib Al-Attas 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript: a 16th Century Malay Translation of the 'Aqa'id of al-Nasafi*. Kuala Lumpur : University of Malaya Press. hlm. 44.

10 Lih. Syarb al-Ayiqin, dlm. al-Attas, 1970. *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur : Penerbit UM, hlm. 297.

11 Lih. sebagai contoh Abdul Rahman Hj. Abdullah 1990. *Pemikiran Umam Islam di Nusantara : Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka dan Abdulfatah Haron Ibrahim, 1994. *Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

12 Lih. Matheson dan Hooker, 1988. *op.cit.*, hlm. 49.

13 Lih. al-Attas, 1970. *op.cit.*

14 Lih. buku beliau, *The Origin of Malay Shair*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

15 V.I Braginsky walau bagaimanapun meragui Syair Perahu ditulis oleh Hamzah berdasarkan beberapa faktor seperti lengkok bahasanya. Lih. Ulasan beliau dalam makalahnya. "Some Remarks on the Structure of the Syair Perahu", dlm. *BKI*. 1975, 131 : 4, hlm. 407 – 408.

16 Teuku Iskandar 1995. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei : Universiti Brunei Darul Salam , hlm. 11

17 Hawash Abdullah, 1980. *Perkembangan Ilmu Tasawuf dan Tokohnya di Nusantara*. Surabaya : Pustaka Mizan, hlm. 42-43.

18 Lih. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1991. *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara. Jilid 2*, Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyyah. Lih. Juga al-Attas, 1970. *op.cit.*

19 lih. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1991. *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara. Jil.1*, Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyyah.

20 *Ibid.*

21 *Ibid.*

22 Lih. Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah 1996. *Syeikh Abdus Shamad Palembang Ulama Shufi dan Jihad Dunia Melayu*. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyyah.

23 Pada hujung jilid kedua sebenarnya beliau telahpun memulakan persoalan tasawuf, iaitu yang bersangkutan dengan akhlak-akhlak mahmudah yang bermula pada bab kelapan hingga akhir (bab sepuluh)

24 Lih. Wan Mohd. Shaghir Abdullah 1997. *Hidayatus Salikin Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani, Jil.2*. K1. : Khazanah Fathaniyyah.

25 Lih. Hashim Hj. Musa 1999. *A Brief Survey on the Study of the Malay Sastera Kitab on Malay - Islamic Thought*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, UM.

26 Wan Mohd. Shaghir Abdullah 1998. *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani : Ulama dan Pejuang Terulung Asia Tenggara*. Shah Alam : Penerbit Hizbi, hlm. 22.

27 Hawash Abdullah 1980. *op.cit.*, hlm. 123. Lih. Ulasan Karz al-Minan di <http://suluk98.tripod.com/fitnah3.html>

28 Lih. Wan Mohd Shaghir Abdullah 1992. *al-'Allamah Syeikh Ahmad al-Fathani Ahli Fikir Islam dan Dunia Melayu Guru kepada Hampir Semua Ulama dan Tokoh Asia Tenggara Abad ke 19 - 20, Jld. 1*. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyyah.

29 Matheson & Hooker, M.B. 1988. *op.cit.*, hlm. 82. Tarekat yang dimaksudkan itu ialah Tarekat Ahmadiyah yang dibawa oleh Tuan Guru Hj. Said Linggi dari Negeri Sembilan yang mendapat ramai pengikut. Pengamal tarekat ini menggunakan jubah yang

cepat dan menjadi sekolah-olah satu trend di Kelantan ketika itu. Ini menimbulkan kebanggaan pihak berkuasa dan sebagai alternatif, Sultan telah meminta pendapat Syeikh Ahmad. Untuk penjelasan lebih lanjut tentang hal ini, lihat Hamdan Hassan

1990. *Tarekat Ahmadiyah di Malaysia : Suatu Analisis Fakta Secara Ilmiah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Lih.

Juga Che' Zarima Sa'ari. "Tarekat Ahmadiyah: Suatu Kajian di Negeri Kelantan Darul Naim". Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Sesi 1992/1993.

30 Lihat Muhammad Uthman al-Muhammadi, 1976. *Peradaban Dalam Islam*. Kota Bharu : Pustaka Aman Press, hlm. 248-49.

31 Zaila Sharif & Jamilah Hj. Ahmad, *op.cit.*, hlm. 432. dipetik dari Wan Mohd. Shaghir Abdullah 1987 : 47-48).

32 Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah 1989. *Katalog Pameran Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, hlm. 10.

33 Van Druinessen 1999. *op.cit.*, hlm. 165.